

11 JUN 2003

AGONG DAN DR MAHATHIR HANTAR PERUTUSAN TAHNIAH KEPADA RUSIA

KUALA LUMPUR, 11 Jun (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail menghantar perutusan tahniah kepada Presiden Rusia Valdimir Putin sempena sambutan Hari Kebangsaan negara itu.

Menurut kenyataan Wisma Putra di sini hari ini, Seri Paduka Baginda juga mengucapkan tahniah kepada kerajaan Rusia dan rakyat negara itu.

"Semoga Tuan Yang Terutama dikurniakan kesihatan yang baik dan kebahagiaan," titah Baginda.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad juga menghantar perutusan yang sama kepada rakan sejawatannya Mikhail Kasyanov.

"Saya gembira bahawa hubungan antara kedua-dua negara semakin kukuh sejak beberapa tahun lepas. Saya yakin kerjasama dua hala dapat terus ditingkatkan dalam bidang sains dan teknologi, pendidikan dan sektor lain untuk kepentingan bersama kedua-dua negara," katanya.

Dr Mahathir juga berharap perjanjian bagi pembelian pesawat baru-baru ini antara Malaysia dan Rusia akan meningkatkan lagi kerjasama dua hala pada masa akan datang.

Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar turut menghantar perutusan serupa kepada rakan sejawatannya Igor Ivanov.

-- BERNAMA

NM KHY DC MAI